

Fernando Zóbel

Fernando Zóbel: Tertib Itu Penting

Order is Essential

Prolog

Fernando Zóbel (1924–1984) ialah seorang yang gemar mengembara, pemikir dan penulis kosmopolitan, dan seorang pengumpul perintis yang menubuhkan dua muzium seni moden di Filipina dan Sepanyol. Dilahirkan di Filipina dalam sebuah keluarga Sepanyol yang ternama, minatnya yang mendalam dan berpanjangan terhadap dunia telah membentuk karya-karya ekspresionis dan abstraknya dalam medium lukisan, cetakan, lukisan dan fotografi.

Pameran ini mengajak anda mengembara bersama Zóbel ke Amerika Utara, Asia dan Eropah, tempat-tempat di mana beliau berkarya dari tahun 1940-an hingga 1980-an. Anda akan melihat ketertarikannya terhadap sejarah seni dan gerakan Ekspresionisme Abstrak Amerika di Boston dan Rhode Island; eksperimennya menggunakan picagari sebagai alat melukis di Manila; komposisinya yang mahir menggunakan cat hitam pada kanvas putih di Madrid; serta penghormatannya kepada

landskap Cuenca. Ketika kita menelusuri pengembaraannya ke seluruh dunia, kita akan melihat bagaimana modernisme mengambil bentuk yang berbeza mengikut masa dan tempat. Beliau melangkaui dikotomi antara pusat dan pinggiran, masa silam dan masa depan.

“Tertib itu penting,” ujar Zóbel yang merentasi benua. Pernyataan ini menyentuh kedinamikan gerak isyarat dan disiplin introspeksi, dua asas penting dalam visi artistiknya. Dalam karya beliau, kepercayaan terhadap struktur juga mencerminkan kepercayaan terhadap jejak dan ingatan.

Pameran ini mengikuti Zóbel: The Future of the Past, sebuah projek yang dibuka di Museo Nacional del Prado di Madrid pada tahun 2022 dan kemudiannya dipersembahkan semula di Ayala Museum di Manila pada tahun 2024.

Sepuluh daripada hidup sami yang terhantui ini

Terpesona dengan sejarah seni, Zóbel mengolah semula karya Vincent van Gogh *A Wheatfield with Cypresses* (1889) dengan cahaya dan kepekaan tersendiri. Tertarik kepada warna-warna terang, sapuan berus yang bertenaga dan semangat hidup dalam karya tersebut, tafsirannya menandakan usaha awalnya untuk memberi respons terhadap gaya ekspresionis. Permulaan ini berhubung secara langsung dengan karya terakhirnya—ditemui di atas kekuda dalam studio beliau di Sepanyol—yang membayangkan kehadiran sebuah jambatan merentasi sungai di bandar tempat beliau tinggal.

Walaupun terpisah oleh masa, kedua-dua karya ini menandakan dialog Zóbel yang berterusan antara

masa silam dan masa hadapan. Zóbel sering merenung tentang masa dalam seni, dan tentang ketepatan momen seni itu sendiri. Dalam salah satu buku notanya, beliau mencatat petikan daripada sejarawan seni George Kubler, seorang ahli teori tentang “bentuk” masa: “Pelopor membentuk peradaban baharu; pemberontak mendefinisikan batas-batas peradaban yang sedang runtuh.”

Zóbel menghayati kedua-dua peranan itu—sebagai pendahulu yang membentuk sesuatu yang baharu dan sebagai pemberontak yang menentukan sempadan zaman yang kian lenyap. Daripada pengolahannya terhadap Van Gogh hingga ke seluruh karya asalnya, beliau telah merealisasikan kedua-dua visi tersebut.

Dengan setiap penyempurnaan

Pada tahun 1946, Zóbel melanjutkan pelajaran di Universiti Harvard, Amerika Syarikat, dalam bidang sejarah dan kesusasteraan, dengan tumpuan terhadap karya penulis drama Sepanyol, Federico García Lorca. Beliau menghasilkan ilustrasi bagi karya farsa García Lorca *Amor de Don Perlimplín con Belisa en su jardín* (Cinta Don Perlimplín dan Belisa di Taman) dan menulis tesis mengenai tema dan konflik dalam keseluruhan karya drama García Lorca.

Zóbel aktif dalam kehidupan sosial universiti—beliau menyiapkan mural untuk Kelab Fox, menghasilkan karikatur, dan bekerjasama dengan pencetak serta pustakawan. Beliau turut bergaul dengan para seniman Boston, termasuk Jim Pfeufer, Reed Champion, Jack Levine dan Hyman Bloom, serta penyair seperti Delmore Schwartz dan Stephen Spender. Beliau juga berutus surat dengan sepupunya, pelukis

dan seniman kolaj Alfonso Ossorio.

Semasa menuntut di Rhode Island School of Design, Zóbel menghadiri pameran karya Mark Rothko pada tahun 1955 yang “benar-benar memukau” dirinya. Di Amerika Syarikat inilah Zóbel mula melangkah ke arah menjadi seorang seniman profesional—mengasah dirinya terlebih dahulu sebagai pelajar budaya dan sejarah seni, sebelum belajar daripada rakan-rakan seniman, termasuk Rothko dan Franz Kline, untuk memperkembangkan imaginasi sendiri dalam kepelbagaian kecenderungan seni, daripada satira ke Bauhaus dan fotografi.

Garis-garis halus di atas hamparan warna

Pada tahun 1950-an di Manila, Zóbel berada di barisan hadapan gerakan modenisme ketika ia beralih kepada seni bukan objektif—satu pendekatan yang menolak rujukan kepada realiti harfiah. Terinspirasi oleh amalan Henri Matisse, beliau bereksperimen dengan Kubisme dan Informalisme namun tetap berpaut pada bentuk budaya dan material Filipina, menegaskan struktur yang telah ditentukan berbanding gerak hati semata-mata.

Daripada tradisi ini, Zóbel merumuskan prinsip dan motif penting, antaranya carroza, iaitu pedati dalam perarakan keagamaan. Golongan modenis sezaman melihat Zóbel sebagai rakan sejiwa, penaung dan penyokong gerakan tersebut. Beliau dua kali memimpin Art Association of the Philippines, berpameran di Philippine Art Gallery dan bekerjasama dengan tokoh-tokoh utama modenisme Filipina. Beliau juga merupakan pengumpul seni yang murah hati, menyumbangkan karya-karya dari koleksinya kepada Universiti Ateneo de Manila pada tahun 1960, lalu menubuhkan muzium seni moden pertama di

Filipina, iaitu Ateneo Art Gallery.

Setia pada pandangan dunianya yang antarabangsa, beliau turut mengajar kelas dalam seni moden dan seni “Timur”, mengumpul kaligrafi dan karya seniman Asia seperti Munakata Shiko, serta tinggal di rumah yang direka bentuk mengikut gaya Jepun.

Ketika di Manila, Zóbel secara kreatif menggunakan semula picagari biasa—tanpa jarum—bagi mengawal aliran garisan cat yang panjang dan menyebarkannya ke seluruh permukaan. Teknik dan gaya ini pertama kali digunakannya dalam siri bertajuk *Saeta*, yang membangkitkan imej anak panah, lagu, perancah, hiasan kek atau taman pasir. Inilah pencapaian khasnya, dan sumbangan tersendiri beliau kepada himpunan karya modenisme.

Gerakan yang merangkumi percanggahan dirinya sendiri

Pada tahun 1961, Zóbel menetap di Madrid. Di sana, beliau terus memodifikasi pendekatan abstraknya melalui pengolahan ton dan grid, sambil menarik perhatian antarabangsa terhadap amalan seninya. Sebelum itu, pada tahun 1960, beliau menyertai pameran tinjauan seni Sepanyol di Solomon R. Guggenheim Museum di New York; dan pada tahun 1962, beliau mengambil bahagian dalam Pavilion Sepanyol di Venice Biennale serta satu lagi pameran modenisme Sepanyol di Tate Gallery.

Dalam tempoh ini, beliau mengembangkan siri *Serie Negra* (Siri Hitam), yang dicirikan oleh sapuan atau cecair cat hitam pada kanvas putih—dihasilkan seperti kaligrafi atau dalam semangat gerakan

Art Informel. Keistimewaan karya-karya ini terletak pada kontras ketara antara imej hitam putih secara keseluruhan dan penaikan ton halus, dicapai menerusi teknik berus kering yang mengaburkan dan mengisyaratkan arah sapuan berus.

Dengan keyakinan terhadap penguasaannya dalam abstraksi dan pelbagai variannya, Zóbel meneruskan siri dialog seninya dengan tokoh-tokoh seni Eropah dan Amerika Utara. Beliau meneliti karya-karya mereka—daripada Lorenzo Lotto hingga John Singer Sargent—di muzium dan buku, lalu merujuk ciri-ciri formal mereka dalam lukisannya sendiri sambil memperkenalkan retorik visualnya yang tersendiri untuk membayangkan semula sejarah seni dan bentuk abstrak.

Cahaya dalam lukisan

Zóbel telah pun memikirkan tentang sebuah muzium bagi koleksinya seawal tahun 1950-an. Pada tahun 1963, beliau melawat Cuenca, sebuah bandar di luar Madrid, dan amat terinspirasi oleh landskap semula jadi dan kubu pertahanan zaman pertengahan di kota bersejarah itu. Tiga tahun kemudian, pada tahun 1966, beliau membuka Museo de Arte Abstracto Español (Muzium Seni Abstrak Sepanyol) di Cuenca, sebuah projek yang dibangunkannya bersama seniman Gustavo Torner. Terletak di tebing curam bersama beberapa rumah lain yang dikenali sebagai Casas Colgadas (Rumah Tergantung), muzium ini didedikasikan kepada seni abstrak pascaperang di Sepanyol. Alfred Barr, pengarah pengasas Museum of Modern Art (Muzium Seni Moden) di New York, menyifatkannya sebagai “muzium kecil yang paling indah di dunia.”

Sepanjang masa beliau di Cuenca, Zóbel menghasilkan karya yang peka terhadap persekitarannya—ngarai yang digelarnya “La Vista,” rumah-rumah di lembah, dataran tinggi, serta sungai Júcar dan Huécar bersama tebing-tebingnya. Daripada kelompok karya ini lahir dua siri: *La Vista* (Pemandangan) dan *Serie Blanca* (Siri Putih), di mana Zóbel meneroka peranan lukisan dan warna dalam penghasilan karya. Dalam penyelidikan monokromatik yang signifikan ini, beliau secara tidak langsung menyatukan figura dan latar; ruang dan metafora; eter dan cecair.

Beliau turut merakam aksi pemuda-pemuda bermain bola sepak, menterjemahkan pergerakan yang ditangkap oleh kamera ke dalam kekaburan lukisan. Zóbel pernah merenung: “Saya rasa perbezaan antara lukisan aksi dan jenis lukisan yang cuba menganalisis pergerakan adalah halus, tetapi ia memang wujud.”

Walter Gropius dan ahli The Architects Collaborative di arca Richard Lippold, World Tree, bersebelahan bangunan Harkness Commons, Universiti Harvard, sekitar 1950-an

Dari bawah mengikut arah jam: Walter Gropius, Robert McMillan, Benjamin Thompson, Louis McMillen, Norman Fletcher, John Harkness

Reproduksi imej dengan izin Bauhaus-Archiv Berlin

Zóbel amat terpesona dengan persekitaran budaya yang kaya di Universiti Harvard. Beliau khususnya tertarik dengan idea-idea seni moden yang diperkenalkan oleh Walter Gropius, yang mengetuai

jabatan seni bina Harvard dari tahun 1937 hingga 1952. Gropius juga merupakan pengarah pengasas Sekolah Bauhaus di Jerman, sebuah institusi yang meneroka bagaimana seni, reka bentuk dan seni bina dapat memberi respons terhadap persekitaran bandar dan perindustrian abad ke-20.
Slaid-slaid ini digunakan dalam kelas sejarah seni di Harvard bertajuk American Art from the Revolution to the Present Day (Seni Amerika dari Era Revolusi hingga Kini). Zóbel mendaftar dalam kelas tersebut pada tahun 1949 dan melakar beberapa imej karya seni yang dipaparkan melalui slaid. Halaman daripada buku notanya dipaparkan dalam video berdekatan. Slaid lentera digital (durasi video akan disahkan) Imej dengan izin Koleksi Khas, Perpustakaan Seni Halus, Universiti Harvard
Fernando Zóbel <i>Potret Jim Pfeufer dengan Klarinet</i> ± 1953 Cat minyak pada kayu Koleksi Mario dan Mimi Que Zóbel bertemu dengan pasangan seniman Boston, James ("Jim") Pfeufer dan Reed Champion-Pfeufer, pada tahun 1946. Pasangan ini membimbing Zóbel secara tidak formal pada awal perkembangan seninya dan kemudiannya membantu beliau mendapatkan residensi seniman di Rhode Island School of Design (RISD) pada tahun 1954. Semasa di RISD, Jim Pfeufer mengajar

Zóbel teknik litografi dan ukiran.

Franz Kline

(l. 1910, Amerika Syarikat; m. 1962, Amerika Syarikat)

Tanpa Tajuk

1950

Cat polimer sintetik pada kertas buku telefon

Koleksi Galeri Nasional Australia, Canberra

Dibeli pada tahun 1980

Zóbel kebanyakannya mengumpul karya seni dari Filipina dan Sepanyol, namun beliau juga memperoleh karya seniman dari negara lain. Beliau pernah memiliki karya pelukis Amerika, Franz Kline, yang terkenal dengan lukisan abstrak hitam putih yang ringkas—gaya yang barangkali menarik minat Zóbel. Pada tahun 1960-an, Zóbel mengembangkan siri lukisan abstraknya sendiri dalam hitam dan putih, *Serie Negra*.

Alfonso Ossorio

(l. 1916, Filipina; m. 1990, Amerika Syarikat)

#12 '67 "Animula"

1967

Media campuran

Koleksi Galeri Nasional Singapura
2024-00940

Seniman Alfonso Ossorio ialah saudara dan sahabat Zóbel. Seperti Zóbel, Ossorio dibesarkan dalam persekitaran kosmopolitan. Beliau tinggal di Filipina sehingga usia lapan tahun sebelum melanjutkan pelajaran di England dan Amerika Syarikat, di mana beliau mempelajari seni halus di Universiti Harvard dan Rhode Island School of Design (Sekolah Reka Bentuk Rhode Island).

Sebagai penabung kepada ramai seniman, Ossorio mengumpul karya Jean Dubuffet, Jackson Pollock dan Lee Krasner. Beliau berkarya dalam pelbagai bentuk—daripada lukisan surealis yang terperinci, lukisan rintangan lilin, dan karya ekspresionis abstrak hinggalah karyanya yang bertajuk *Congregations* (Perhimpunan), iaitu himpunan objek yang dipasang menjadi karya.

Zóbel pernah menulis dengan penuh kekaguman tentang karya Ossorio yang dipamerkan di Manila pada tahun 1954, menyifatkannya sebagai “menakjubkan, secara teknikal luar biasa, dan sangat sukar difahami.” *Congregation* yang dipamerkan di sini ditujukan kepada Zóbel, menjadi bukti kepada persahabatan seni yang erat antara mereka.

Label Pameran Berkelompok

Zóbel juga merupakan seorang sarjana. Beliau mengkaji arca keagamaan Filipina dari zaman penjajahan Sepanyol (abad ke-16 hingga ke-19) dan menulis buku penting *Philippine Religious Imagery* (1963). Beliau secara aktif mengumpul arca-arca tersebut dan menghasilkan ilustrasi

berdasarkan contoh-contoh dari pelbagai koleksi awam dan peribadi.

Arca-arca ini menjadi sumber inspirasi bagi penerokaan seni moden Zóbel. Beliau amat terpesona dengan *carroza*—pelantar perarakan yang biasanya membawa arca keagamaan—dan menghasilkan pelbagai tafsiran mengenainya. Contohnya termasuk satu litograf dan lukisan tahun 1953 yang dipasang dalam bingkai khas yang direka beliau sendiri. Lukisan ini memenangi hadiah pertama dalam pertandingan tahunan anjuran Persatuan Seni Filipina, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai seniman Filipina yang berpengaruh.

David Cortez Medalla

(l. 1942, Filipina; m. 2020, Filipina)

Fernando Zóbel Mengajar Seni dan Seorang Pelajar Mendengar II

1956

Pen dan dakwat pada kertas

Koleksi Pusat Kebudayaan Filipina

Di luar praktik seninya, Zóbel memberi pengaruh besar dalam dunia seni Filipina sebagai sarjana dan pemikir. Beliau mengajar subjek seni di Universiti Ateneo de Manila, termasuk kursus seperti Pengenalan kepada Lukisan Kontemporari, Penghayatan Seni, serta kelas tentang seni China dan Jepun. Para pelajarnya—termasuk mereka yang menghadiri secara tidak formal—kemudiannya menjadi tokoh penting dalam gelanggang seni Filipina.

Mereka termasuk Tessie Ojeda-Luz, yang mengendalikan Galeri Luz bersama suaminya, seniman Arturo Luz; pengkritik seni Alice Coseteng, Leonidas Benesa dan Emmanuel “Eric” Torres; arkitek Leandro Locsin; serta David Medalla, yang kemudiannya diiktiraf sebagai perintis seni kinetik peringkat antarabangsa.

Dewan Bellarmine, Universiti Ateneo de Manila

Imej dengan izin Arkib Universiti Ateneo de Manila

Ateneo Art Gallery, yang diasaskan pada tahun 1960 dengan karya seni daripada koleksi Zóbel, pada mulanya bertempat di sebuah bilik di Dewan Bellarmine di Universiti Ateneo de Manila. Ia merupakan muzium seni moden Filipina yang pertama, dan koleksinya merangkumi karya-karya oleh Zóbel dan rakan-rakan sezamannya seperti Hernando R. Ocampo, Vicente Manansala, Anita Magsaysay-Ho, Romeo Tabuena, Lee Aguinaldo, Arturo Luz, Ang Kiukok, Jose Joya dan Manuel Rodriguez Sr.

Kurator pertamanya ialah penyair dan pengkritik Emmanuel “Eric” Torres. Sebagai bekas pelajar Zóbel, beliau terus membangunkan koleksi seni moden Filipina galeri tersebut sepanjang tempoh perkhidmatannya.

Liu Kuo-sung
(l. 1932, China)
Lofty Zig-zag

1968

Dakwat dan warna pada kertas

Koleksi peribadi

Zóbel amat berminat terhadap kaligrafi, baik yang bersifat sejarah mahupun kontemporari, serta seni China dan Jepun. Beliau membeli dua lukisan oleh Liu Kuo-sung semasa pameran solo pelukis dakwat tersebut di Manila pada tahun 1968, termasuk karya ini.

Fernando Zóbel

Humming Quietly

Tanpa tarikh

Dakwat pada kertas beras

Hadiah daripada seniman

Koleksi Galeri Seni Ateneo,

Universiti Ateneo de Manila

Zóbel menghasilkan beberapa karya kaligrafi tersendiri. Aksara dalam lukisan ini mungkin tidak dapat difahami, menandakan bahawa Zóbel lebih tertarik kepada kaligrafi sebagai bentuk abstrak berbanding makna linguistiknya. Dalam kuliahnya di Universiti Ateneo de Manila, beliau mengupas kaligrafi sebagai satu bentuk seni abstrak.

Fernando Zóbel

La Visión

1961

Cat minyak pada kanvas

Koleksi Muzium dan Perpustakaan Lopez

La Visión merupakan sebahagian daripada *Serie Negra* (Siri Hitam) oleh Zóbel. Meneruskan eksperimennya dalam siri Saeta, Zóbel melangkah lebih jauh dalam abstraksi dengan menghapuskan unsur “gangguan” visual, mengehadkan warna kepada hitam dan putih—yang terakhir diwakili oleh kanvas yang tidak dicat. Garisan-garisan, bersama kesan kabur dan calitan cat, menyerlahkan minat Zóbel terhadap pergerakan atau getaran dalam karya.

Zóbel menyertakan karya ini dalam penyertaannya untuk Pavilion Sepanyol di Venice Biennale pada tahun 1962.

Fernando Zóbel

El sueño de la Doncella (II).

Conversación con Lorenzo Lotto

[Mimpi Sang Gadis (II).

Perbualan dengan Lorenzo Lotto]

1967

Cat minyak pada kanvas

Koleksi Museo de Bellas Artes de Bilbao

Diperoleh pada tahun 1968

Zóbel sering merujuk kepada karya pelukis Renaissance, Lorenzo Lotto, *Allegory of Chastity* (±1505)—yang turut dipamerkan dalam bahagian ini—bagi menghasilkan kajian dan lukisannya sendiri. Dalam karya ini, beliau mengabstrakkan komposisi Lotto: sapuan putih tipis dalam lukisan Zóbel melambangkan taburan bunga oleh putto ke atas gadis suci yang sedang berbaring. Unsur-unsur lain dari karya asal diringkaskan menjadi bayang dan ton suram dalam warna perang, hitam dan kelabu.

Zóbel pernah berkata, “Lakaran membantu saya mengingati sesuatu idea. Lukisan menetapkannya. Kajian berusaha untuk merealisasikannya. Prosesnya adalah satu proses penyingkiran: untuk terus menyingkirkan gangguan. Lukisan bertujuan menjadi pernyataan yang paling jelas bagi idea asal.”

Bahagian Dalam Muzium Prado, Madrid,
Sepanyol, 2025

Zóbel gemar mengunjungi Museo Nacional del Prado di Madrid, Sepanyol, untuk mencari sumber inspirasi dalam karya agung seniman Eropah. Sebagai contoh, beliau telah menghasilkan karya berdasarkan *Second of May* (1808) oleh Francisco Goya dan *Vision of St Peter Nolasco* (1629)

oleh Francisco de Zurbarán.

Antara seniman lain yang dikaguminya di Prado termasuk Juan van der Hamen, Peter Paul Rubens, El Greco dan Diego Velázquez. Lukisan-lukisan mereka memberi ilham kepada Zóbel untuk menghasilkan karya sendiri, yang dimulakannya dengan lakaran sebelum direalisasikan dalam cat minyak di atas kanvas.

Helaian dalaman daripada *Adriaen Coorte* oleh Laurens J. Bol, diterbitkan pada tahun 1977 oleh Van Grocum

Archivo Fernando Zóbel, Biblioteca y Centro de Apoyo a la Investigación, Fundación Juan March, Madrid

Zóbel seorang pengembara yang tekun dan gemar mengunjungi muzium, sering membuat lakaran karya seni yang dilihatnya secara langsung. Beliau turut mengagumi dan merujuk kepada lukisan yang ditemuinya dalam perpustakaan peribadi yang luas. Sebagai contoh, lukisan-lukisan yang dihasilkannya berdasarkan karya pelukis Belanda Adriaen Coorte, *Still Life with Asparagus* (1697, koleksi Rijksmuseum, Amsterdam), berkemungkinan diinspirasikan oleh imej lukisan tersebut dalam buku ini, dan bukan daripada melihat karya asal secara bersemuka.

Buku-buku dari perpustakaan Zóbel telah disumbangkan kepada Fundación Juan March di Madrid dan Ateneo Art Gallery di Manila.

Fernando Zóbel
Potret Diri di Atas Sinki

± 1950-an

Fotografi dipasang pada kadbod

Hadiah daripada Jaime dan Beatriz Zóbel de Ayala

Koleksi Ayala Corporation

Dipinjamkan ke Muzium Ayala

Fotografi Zóbel semasa pengembaraannya di Eropah pertama kali dipamerkan di Philippine Art Gallery di Manila pada tahun 1956. Eksplorasi beliau dalam bidang fotografi memainkan peranan penting dalam membentuk kesetiaannya terhadap lukisan abstrak. Beliau pernah menyatakan: “Keupayaan fotografi untuk merakam imej, saya rasa, jauh lebih unggul daripada apa yang dapat dicapai melalui lukisan. Saya rasa wajib melukis, tetapi saya telah meninggalkan keperluan untuk mewakili.”

Fernando Zóbel

Fútbol 14 (Bola Sepak 14)

1973

Cat minyak pada kanvas

Koleksi peribadi

Zóbel sering meneroka subjek yang sama berulang kali, bereksperimen dengan variasi dari segi komposisi, medium dan warna. Siri bola sepaknya merakam pemain-pemain dalam gerakan melalui

fotografi, lakaran, cetakan dan lukisan, yang merangkumi imej yang mudah dikenali sehinggalah kepada pergerakan yang telah diabstrakkan.

Zóbel terus mengamalkan fotografi semasa di Cuenca, menganggapnya sebagai satu lagi bentuk lakaran. Beliau menggunakan lakaran dan fotografi sebagai alat ingatan; kedua-duanya membantunya mengingati idea dan merakam daya tarikan awal terhadap imej-imej tertentu. Zóbel menyimpan lakaran dan fotonya dengan teliti, menyedari potensi bahan-bahan ini untuk dikembangkan menjadi karya seni pada masa hadapan.

Fernando Zóbel

La Vista XXVI (Pemandangan XXVI)

1974

Cat minyak dan grafit pada kanvas

Colección Fundación Juan March,
Museu Fundación Juan March, Palma

Dalam satu temu bual pada tahun 1978, Zóbel menerangkan proses di sebalik penghasilan siri lukisan *La Vista*:

“La Vista berasaskan pemandangan dari tingkap saya. Apabila saya melihatnya, saya nampak pelbagai benda yang sebenarnya tidak begitu menarik minat saya: rumah, jalan, warna, burung dan sebagainya. Anda boleh menyebutnya sebagai anekdot-anekdot pemandangan. Jadi, apa sebenarnya

yang menarik minat saya? Mencarinya merupakan sejarah sesebuah lukisan. Prosesnya adalah satu proses penyingkiran; menghapuskan anekdot dan gangguan lain. Apabila saya singkirkan rumah, pokok, jalan, saya dapati pemandangan itu semakin menjadi pemandangan saya. Saya terus menyingkirkan; saya hapuskan warna setempat kerana ia mengikat saya pada satu detik masa. Akhirnya, yang tinggal hanyalah struktur dan cahaya tertentu. Cahaya dalam lukisan itu, bukan cahaya pada sesuatu masa. Dengan kata lain, yang tinggal hanyalah pemandangan saya, yang wujud dalam ingatan saya. Dan inilah bahagian yang paling aneh. Jika saya berjaya memberi bentuk kepada ingatan saya, saya dapati saya juga telah memberi bentuk kepada ingatan penonton. Ia menjadi pemandangan BELIAU juga, bukan sekadar milik saya.”

Carlos Saura
(l. 1932, Sepanyol; m. 2023, Sepanyol)
Cuenca

1958

Filem dipindahkan ke format video digital
39 minit 5 saat

Pengarah filem Sepanyol yang tersohor, Carlos Saura—abang kepada pelukis Antonio Saura—memulakan kerjayanya dalam bidang perfileman dengan dokumentari ini tentang bandar Cuenca. Saura mendapat ilham daripada *filem Land without Bread* (1933), arahan mentornya, pengarah surealis Sepanyol Luis Buñuel.